



KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
JABATAN STANDARD MALAYSIA

TEKS UCAPAN

ENCIK SHAHARUL SADRI BIN ALWI
KETUA PENGARAH

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN

23 APRIL 2024 (SELASA)

MENARA CYBER AXIS

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih kepada Saudara Pengacara Majlis,

Pengarah-Pengarah Bahagian

Penilai Teknikal yang Diraikan

Warga Kerja JSM,

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

1. Syukur alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya rafakkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan inayah-Nya jua, saya dapat berjumpa dan berkumpul di dalam Perhimpunan Jabatan Standard Malaysia (JSM) bagi suku tahun ke-2.
2. Alhamdulillah. Kita telah selesai menjalani ibadah puasa, Semoga puasa kita pada tahun ini diterima dan mendapat rahmat dari Allah SWT supaya kita dapat meneruskan kehidupan seharian sebagai Khalifah di bumi Allah SWT ini dan diberi peluang untuk bertemu lagi di Ramadan yang akan datang Insya-Allah.
3. Perginya ramadan digantikan dengan Syawal sebagai tanda kemenangan kepada umat islam ini kerana Allah SWT telah menegaskan sebagaimana firman-NYA yang bermaksud;

“Dan hendaklah kamu menyempurnakan bilangan puasa pada Bulan Ramadhan dan hendaklah kamu bertakbir mengagungkan Allah apabila berhari raya kerana Allah berikan hidayah kepada mu.”
(Surah Al Baqarah : 185)

4. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh warga JSM yang hari ini Allah SWT telah menyuruh kita menyambutnya dengan penuh kesyukuran dan kegembiraan. Saya berharap ukhwah yang terjalin antara kita akan diperkukuhkan lagi dengan limpahan dan kurniaan-NYA. Semoga syawal ini menjadikan kita hamba Allah SWT yang lebih bertakwa dan lebih kuat melaksanakan tanggungjawab agama.

Kembang cempaka sungguhlah indah
Burung berkicauan menambah seri
Sebulan puasa tertunai sudah
Syawal dirayakan nikmat disyukuri

Pelita dipasang susun berlima
Indah pandangan di malam likur
Syawal dating takbir bergema
Disambut dengan penuh bersyukur

Tuan/Puan,

WARGA KERJA BAHARU JSM

5. Saya difahamkan bahawa seramai 30 orang pegawai baharu Contract Of Services telah melapor diri di JSM pada 11 Mac 2024. Sesi taklimat dan *briefing* JSM juga telah berlangsung dari 12 hingga 15 Mac 2024.
6. Kepada pegawai baharu COS yang melapor diri di Jabatan Standard Malaysia, saya amat mengalu-alukan kedatangan semua dan saya berharap tuan-tuan dan puan-puan dapat menyesuaikan diri, terus mencurahkan khidmat bakti dan menyumbang idea yang bernas bagi membantu JSM dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik, berkualiti dan berintegriti. Syabas dan tahniah saya ucapkan.

PROGRAM MADANI RAKYAT ZON UTARA

7. Seperti kita sedia maklum, kita telah selesai menjalankan tugas bagi Program Madani Rakyat Zon Tengah yang telah berlangsung di Kuala Selangor pada bulan Februari 2024. Jadi, program seumpama ini akan berlangsung dari 26 hingga 28 April 2024 di Tapak Pesta Sungai Nibong, Bayan Lepas, Pulau Pinang.
8. Untuk makluman, Program MADANI Rakyat merupakan wadah untuk masyarakat mendapatkan perkhidmatan secara terus daripada kementerian-kementerian di peringkat Kerajaan Persekutuan dan agensi-agensi peringkat negeri, di samping memberi peluang kepada masyarakat umum mengemukakan pandangan dan cadangan untuk menambah baik mutu perkhidmatan. Saya berharap tuan-tuan dan puan-puan boleh meluangkan masa lapang untuk menyertai program ini.

APAC Evaluation

9. Selain itu, untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, Asia Pacific Accreditation Cooperation (APAC) Re-evaluation akan berlangsung dari 15 hingga 24 Mei 2024. Objektif penilaian ini adalah untuk mengesahkan pematuhan berterusan JSM berdasarkan keperluan ISO/IEC 17011. Penilaian semula ini berlaku setiap empat tahun untuk semua Badan Akreditasi di seluruh dunia di bawah pengiktirafan APAC Mutual Recognition Agreement (MRA).

10. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Penilai-Penikal Teknikal yang ada bersama kita pada hari ini atas sumbangan dan komitmen sepanjang menjalankan tugas sebagai Penilai Teknikal. Semoga majlis ringkas ini menjadi tanda ucapan terima kasih JSM kepada semua. Kita berikan tepukan!

Tuan/Puan,

PENGHUJUNG PERKHIDMATAN

11. Sudah menjadi lumrah dalam kehidupan, setiap yang bermula pasti akan berakhir. Setiap yang hidup pasti mati. Itulah kehidupan. Mahu atau tidak, perkara tersebut tidak mungkin dapat dielakkan. Dalam dunia pekerjaan, sejak menjadi warga JSM dari Februari 1998, saya telah menempuh pelbagai cerita suka duka dalam sebuah perpisahan dan kehilangan. Namun realitinya, setiap yang patah sudah pasti akan tumbuh, yang masak akan gugur. Orang-orang yang pergi; yang meninggalkan berjuta memori barangkali hanya akan menjadi

pemangkin yang dapat menyuburkan keazaman untuk lebih berdaya saing dalam sebuah perjuangan sebagai insan.

12. Sepanjang saya berkhidmat 26 tahun di JSM ini, saya amat menghargai segala jasa baik, kerjasama dan kasih sayang yang telah diberikan oleh semua warga JSM. Segala kenangan dan pahit manis kita bersama dalam menjalankan tanggungjawab dan tugas akan sentiasa sematkan di dalam lubuk hati saya.
13. Kenangan dan pengalaman bersama akan sentiasa subur dalam ingatan saya sepanjang menjadi warga JSM. Saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada semua warga JSM yang telah sama-sama memberi tunjuk ajar dan semangat dalam saya mengurus tadbir dan melancarkan segala urusan di JSM ini.
14. Saya juga ingin mengambil kesempatan yang terluang ini, menyusun sepuluh jari memohon maaf kepada seluruh warga JSM yang telah sama-sama mencurahkan bakti untuk anak bangsa yang kita cintai. Saya memohon agar dihalalkan makan minum dan segala ilmu yang telah dikongsi bersama sepanjang saya berkhidmat di JSM.
15. Saya juga berdoa JSM sentiasa dalam lindungan Allah SWT agar Jabatan ini dapat berkembang dengan lebih maju dan cemerlang.

Tuan/Puan,

NASIHAT DAN PANDUAN: BUDAYA KERJA BERPASUKAN

16. Budaya merupakan sistem nilai, kepercayaan dan tradisi yang menjadi panduan kepada tingkah laku individu. Ia akan mempengaruhi individu dan organisasi yang dianggotai olehnya. Oleh itu, adalah penting bagi sesebuah organisasi untuk mempunyai budaya yang cemerlang di mana setiap individu berkongsi visi dan misi yang sama terhadap keunggulan organisasi. Individu perlu menghayati dan mengamalkan konsep kerja yang mengutamakan amalan terbaik, bukan sahaja dalam mengendalikan tugas tetapi juga dalam perhubungan dengan pelanggan dan rakan sekerja.

17. Untuk menentukan anggota bertugas dengan tekun, sempurna dan sentiasa berusaha memperbaiki prestasi kerja, kita perlu membangunkan pekerja dan pasukan berprestasi tinggi (*exceptional people and teams*) yang dapat menghayati falsafah dan budaya kerja organisasi. Ini dapat dilaksanakan melalui dinamik sistem organisasi yang merangkumi latihan, pembangunan pasukan kerja dan menjadikan mereka asas pendekatan pengurusan organisasi ke arah mengintegrasikan budaya dan proses kerja cemerlang. Untuk menentukan kejayaan pendekatan ini, budaya kerja berteraskan penambahbaikan berterusan perlu diamalkan dalam semua aspek pelaksanaan tugas di semua peringkat.

18. Kepentingan budaya cemerlang dalam persekitaran yang dinamik memerlukan keputusan dibuat dengan cepat. Anggota organisasi perlu diberikan kuasa (*empowerment*) serta fleksibiliti. Konsep *empowerment* merupakan intipati dalam melaksanakan kerja berpasukan. Pasukan

yang berkesan berupaya melaksanakan tanggung jawab yang diamanahkan mengikut apa yang diharapkan. Mereka juga mampu membuat keputusan yang dapat membangunkan kemahiran dan sumber manusia dalam melaksanakan tugas yang diberikan. Setiap anggota organisasi perlu sedar tentang keperluan memberikan perkhidmatan terbaik. Berdasarkan kepada kajian, organisasi yang dapat mengekalkan budaya kerja yang cemerlang mempunyai pengurus yang dapat menetapkan ekspektasi yang jelas, menggalakkan semangat kekitaan (sense of belonging), penglibatan pekerja dalam pembuatan keputusan dan penyelesaian masalah serta membudayakan pembelajaran dan meningkatkan kemahiran.

Apakah tanda pasukan yang gagah?
Hal sekeliling diambil kesah.

Apakah tanda pasukan yang cemerlang?
Kenal mengenali setiap orang.

Apakah tanda pasukan yang ampuh?
Sentiasa menjalin ikatan yang kukuh.

Apakah tanda pasukang yang kuat?
Bersikap jujur, tidak khianat.

Apakah tanda pasukan yang berjaya
Bekerja tekun sedaya upaya.

19. Berhadapan dengan cabaran hari muka yang tiada kepastian, kita didepankan dengan keperluan untuk melengkapkan diri dengan kemahiran baru, pendedahan-pendedahan baru serta kualiti pemikiran dan sikap yang lebih baik, yang berupaya untuk memberikan ruang baru, sumber aspirasi baru dan anjakan baru dalam pelbagai konteks. *We need to move to the next level or better still jump to the next plateau.* Kesukaran dan ketidakpastian hari esok harus menjadi *incubators for*

new insights. Kita mesti mempunyai kebolehan untuk menjana hikmah melalui pengalaman.

20. Kejayaan warga yang cemerlang dan kecemerlangan organisasi merupakan suatu perjalanan. Hari ini pelbagai pancaroba dan masih banyak perjuangan yang perlu diatasi. Malah, terdapat banyak juga lapangan baru yang perlu diterokai. Yang paling utama adalah memahami apa yang perlu dipelajari, termasuklah belajar untuk belajar, kecenderungan dan kesediaan kita untuk mengulangi proses pembelajaran, menerokai ruang baru, untuk terus belajar dan mencapai kejayaan yang lebih besar. Dengan ketabahan dan keupayaan untuk mengadaptasi - tiada kegagalan kecuali kejayaan. (With enough adaptive capacity and tenacity, there are no failures, only growth.) Saya yakin dan percaya bahawa kita semua sebagai sebuah organisasi *can rise up to new heights and higher plateaus of success* pada masa hadapan.

Tuan/Puan,

21. Di sesesuah organisasi, kita tidak boleh elakkan daripada amalan kerja negatif, tanpa sedar ia jadi punca utama tekanan di tempat kerja. Jadi, untuk menangani masalah ini, kita perlulah mengikis amalan kerja negatif ini dengan mengamalkan nilai-nilai murni dalam organisasi.

Bagai aur dengan tebing,
Hidup membantu orang keliling.

Bulat air kerana pembedung,
Hidup bermuafakat tolong-menolong.

Carik-carik bulu ayam,
Lama-lama bercantum semula.

Kalau sudah bertelingkah semalam,
Cepat-cepatlah berbaik semula.

Tuan/Puan,

PENUTUP

22. Buat akhirnya, terimalah rangkap kata-kata khas saya tujukan untuk semua warga JSM ikhlas dari lubuk hati saya,

Sudah adat bertemu,
Tentu ada perpisahannya
Sudah adat berjumpa,
Tentu ada nokhtah perhentiannya

Kalau diturutkan hati
Tentu tak mahu melepaskan diri ini untuk pergi
Tapi apakah daya...
Sudah tersurat dari ilahi

Pertemuan kita hanya setakat ini...
Oleh itu janganlah ianya diratapi....
Apa yang lebih penting...
Hubungan sillaturahim akan terus kekal abadi.

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.

Disediakan oleh :
Unit Komunikasi Strategik

Tarikh: 19 April 2023

